

**UCAPAN TUAN YANG DIPERTUA
PROGRAM DIALOG BAJET 2012:
MPSP BERSAMA KOMUNITI
TARIKH: 12 MEI 2012
TEMPAT: HOTEL SUNWAY SEBERANG JAYA**

Terima kasih Pengacara Majlis.....

Yang Berhormat Y.B. Tuan Chow Kon Yeow
EXCO Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas

Yang Berusaha Encik Oon Lai Kuan
Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Barisan Ahli Majlis MPSP

Yang Berusaha Sr Tuan Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-ketua Jabatan
Rakan-rakan media
Sahabat-sahabat MPSP
Rakan-rakan MPSP

Assalamualaikum, selamat pagi dan salam sejahtera.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah dapat meluangkan masa untuk menghadirkan diri dan seterusnya menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi. Saya dengan ini berasa teruja dan ini akan menyuntik semangat saya untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Untuk makluman Tuan Y.B., program pada hari ini merupakan program yang pertama dibuat oleh MPSP untuk bersama-sama dengan komuniti Seberang Perai dan ‘*stakeholders*’ dalam merangka bajet 2013 untuk tahun hadapan dan seperti mana yang kita sedia maklum, MPSP mempunyai satu peruntukan yang terhad dan peruntukan ini perlu kita selaraskan dan peruntukan untuk perkara-perkara yang baik dan memberi manfaat kepada semua komuniti dan ‘*stakeholders*’ kita.

Saya difahamkan bahawa seramai 70 orang menyertai program kita pada pagi ini iaitu dari JKKK-15 orang, Rukun Tetangga-6 orang, NGO dan Jabatan lain-11 orang. Kita juga menjemput agensi-agensi luar seperti JKR, JPS, PDC dan Unit Kerajaan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selain itu, semua Ketua Jabatan MPSP dan pegawai-pegawai kanan MPSP juga hadir. Terima kasih kepada Y.B. Tuan Chow kerana sudi menghadirkan diri ke dialog ini dan ini merupakan satu komitmen yang tinggi dari pihak Y.B. kepada perancangan bajet 2013.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Objektif yang pertama untuk program ini ialah untuk menggalakkan penyertaan komuniti dalam program dan tadbir urus MPSP. Objektif yang kedua adalah bertujuan untuk mendapatkan input, pandangan dan cadangan komuniti dalam merangka bajet MPSP 2013. Ini adalah kerana kita mempunyai satu peruntukan yang terhad dan peruntukan ini perlulah dirancang dengan bijak dan teratur supaya semua pihak akan mendapat

manfaat darinya. Objektif yang ketiga ialah kita ingin mengenal pasti pendekatan baru untuk melaksanakan perkhidmatan terbaik dengan sumber-sumber yang terhad. Kita inginkan perubahan dan ingin mencari cara perancangan atau perkhidmatan yang lebih baik dan efisyen untuk komuniti dan ‘*stakeholders*’. Objektif yang keempat adalah untuk menentukan peranan komuniti dalam meningkatkan perkhidmatan MPSP kepada penduduk Seberang Perai. Terima kasih kepada semua komuniti dan ‘*stakeholders*’ yang telah banyak memberikan maklum balas serta cadangan kepada MPSP untuk penambahbaikan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada pagi ini, kita telah sasarkan 6 topik utama untuk dibincangkan dalam dialog ini dan ini sejajar dengan pelan transformasi dan juga Fokus 2012. Isu kehijauan dan kebersihan masih menjadi topik utama atau pertama dalam perbincangan kita pada hari ini. Matlamat kita adalah pada tahun 2012 dan 2013, kita akan menjadikan kawasan kita adalah kawasan yang bersih dan hijau. Topik yang kedua adalah untuk menanggani masalah banjir dan masalah ini juga di Seberang Perai di mana jika dilihat dari reka bentuk tanah adalah tanah yang rata dan ada sesetengah tanah tersebut rendah dari paras laut. Dengan adanya dialog ini, saya berharap agar kita dapat mencari jalan bagaimana untuk menghadapi permasalahan ini. Seterusnya untuk topik ketiga kita ingin melihat dari aspek lalu lintas dimana kita ingin melihat kepada ‘*Cleaner, Greener, Safer and Healthier*’ Seberang Perai. Kita juga perlu melihat pembangunan ekonomi peniaga kecil, aspek penjaja-penjaja dan dari segi kompleks-kompleks di MPSP pada topik yang keempat. Tidak lupa juga kepada kemudahan rekreasi dan alam sekitar untuk topik yang kelima. Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberi CSR (*Corporate Social Responsibility*) yang telah menjadikan taman-taman di Seberang Perai sebagai anak angkat oleh pertubuhan dan organisasi. Topik yang terakhir ialah untuk mengimbangi belanjawan awam Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam usaha untuk menyediakan laporan bajet 2013, isu dan cabaran yang dihadapi ialah kepesatan proses perbandaran di mana 70% penduduk mendiami perbandaran pada tahun 2020 dan ini merupakan satu cabaran yang utama. Cabaran ini merupakan satu cabaran yang jitu untuk kita memberikan perkhidmatan yang bertaraf antarabangsa. Seterusnya harapan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rakyat ke atas MPSP selaku barisan hadapan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Seterusnya keupayaan untuk menjana hasil. Dengan adanya kedudukan kewangan yang kukuh membolehkan MPSP memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti. Oleh sebab itu, kita memerlukan cadangan dan maklum balas bagaimana untuk menjana hasil yang lebih baik. Di samping itu, MPSP perlu konsisten dalam melaksanakan penguatkuasaan bagi mewujudkan persekitaran hidup yang sihat, selamat dan selesa didiami oleh penduduk. Di sini, diminta cadangan untuk memberikan cara-cara penguatkuasaan yang berhemah untuk menyelesaikan perbandaran yang semakin meningkat. Seterusnya kita juga ingin melihat tahap penggunaan ICT di mana ia merupakan alat utama untuk mempercepatkan setiap urusan dengan pelanggan. MPSP sentiasa peka terhadap aduan penduduk dan memudahkan setiap urusan dengan peniaga, penjaja, pelabur dan pekilang untuk meningkatkan daya saing. Sehubungan dengan itu, PBT perlu berubah untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada warga Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Oleh yang demikian, dialog bajet 2013 ini adalah sebagai platform untuk berhubungan secara langsung dengan penduduk. Antaranya menerusi dialog seperti ini, MPSP akan mendapat pandangan penduduk melalui Ahli Majlis yang bertindak sebagai wakil penduduk mengikut zon-zon yang telah ditetapkan sekaligus dapat menjalinkan kerjasama secara langsung dengan penduduk. Selain itu, kepesatan proses perbandaran menyebabkan isu-isu perbandaran semakin kompleks. Harapan penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan MPSP yang terbaik dan berkualiti semakin

meningkat. Dengan adanya program seperti ini, MPSP dapat berkerjasama dengan penduduk setempat bagi menanggani isu-isu perbandaran seperti penjaja, kebersihan, perumahan, pencemaran alam sekitar dan pertumbuhan kilang-kilang haram dengan lebih berkesan. Terdapat 6 elemen dalam organisasi kerajaan yang berprestasi tinggi yang perlu kita perolehi dan MPSP ingin meneraju dalam *customer-centered, outcome-oriented, accountable, innovative & flexible, open & collaborative* dan *passionate*.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Terdapat beberapa isu semasa dalam pengurusan bajet MPSP. Antaranya ialah kewangan terhad berbanding keperluan dan permintaan penduduk. Penduduk ingin tahu bagaimana MPSP membelanjakan hasilnya, penduduk juga ingin tahu perhubungan antara cukai yang dibayar dengan perkhidmatan yang telah diberikan, tentang prestasi kewangan MPSP sekarang ini, siapakah pihak yang mendapat manfaat dari perancangan MPSP dan bajet ini juga akan mengambil kira keperluan gender dalam program pembersihan kitar semula dan keselamatan di perumahan Ampang Jajar. Dengan pembabitan komuniti dan 'stakeholders', saya berpendapat isu-isu ini dapat dijawab dan dilaksanakan dengan baik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Peranan bajet 2013 ini adalah sebagai alat untuk merancang, kawalan perbelanjaan, untuk selaraskan program dan aktiviti MPSP, untuk memaklumkan kepada rakyat dasar dan program MPSP, mewujudkan perhubungan antara perancangan jangka pendek dan jangka panjang. Dan bajet sebagai alat untuk memperuntukkan dan mengagihkan sumber-sumber hasil kepada rakyat.

Harapan saya dari program ini adalah MPSP dapat menjalinkan kerjasama secara langsung dengan penduduk, komuniti dapat memainkan peranan bagi membantu majlis dalam perancangan pembangunan, MPSP dan komuniti juga dapat bersama-sama menggembeleng tenaga untuk memberi perkhidmatan yang terbaik.

Dengan ini saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan ribuan terima kasih kepada kepada semua yang telah hadir dan menjayakan dialog bajet ini.

Sekian, terima kasih.